

Assalamualaikum Wbt, Selamat Pagi, Salam Sejahtera Dan Salam Muafakat Johor

YBhg Datin Salasiah Binti Idris  
Ketua Whip

Encik Lio Kwang Meng  
Timbalan Ketua Whip

Encik Mohd Hisam Bin Said  
Setiausaha

Ketua-Ketua Jabatan

Barisan Ahli Majlis

Barisan Pemerhati  
**Majlis Daerah Kota Tinggi**

***Berlabuh Sudah Tirai Ramadhan  
Lambaian Syawal Kini Dirai  
Luhur Hati Ikhlas Kemaafan  
Semoga Kesalahan Dimaafi  
Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Dan Batin***

1. Alhamdulillah Syukur Ke Hadrat Ilahi Dapat Kita Bersama-Sama Dalam Mesyuarat Penuh Bilangan 7 Bagi Bulan Julai Ini. Dalam Sedar Dan Tidak Sedar Kita Telah Pun Memasuki Syawal Ke 22, Setelah Sebulan Kita Berpuasa Dan Syawal Juga Akan Meninggalkan Kita Tidak Lama Lagi. Dikesempatan Ini Jua Ingin Saya Mengucapkan Selamat Hari Raya Kepada Semua Ahli Mesyuarat.
2. Seperti Sedia Maklum Setiap Bulan Pelbagai Aktiviti Telah Diadakan Sama Ada Peringkat Negeri, Daerah Mahupun Jabatan Sendiri. Jika Sebelum-Sebelum Menyambut Syawal Banyak Aktiviti Iftar Telah Diadakan Dan Tidak Ketinggalan Juga Pada 2 Julai Yang Lalu, YBhg YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique Telah Mengadakan Majlis Iftar Ramadhan Di Orchard Golf And Country Club Yang Telah Dihadiri Oleh Yang Dipertua, Setiausaha Dan Jurutera Setiap PBT Dan Tidak Ketinggalan Kepimpinan Tertinggi Negeri Johor, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Terima Kasih Diucapkan Kepada Ketua-Ketua Jabatan MDKT Yang Memberikan Komitmen Dalam Memeriahkan Majlis.
3. Tuan-Tuan Dan Puan-Puan, Amalan Rumah Terbuka Sepanjang Bulan Syawal Adalah Tradisi Setiap Tahun Dan Sebenarnya Termasuk Didalam Perkara Yang Digemari Dan Disyariatkan Didalam Islam. Selain Itu Juga Ia Dapat Melahirkan Perasaan Hormat Dan Bermaaf-Maafan. Pada 15 Julai 2016 Yang Lalu, Parlimen Kota Tinggi Datuk Noor Ehsanuddin Bin Harun Narashid Telah Mengadakan Majlis Rumah Tebuka Di Dewan Jubli Intan Dan Telah Dihadiri Oleh Lapisan Penduduk Kota Tinggi. Tidak Ketinggalan Jua Bagi Zon Bandar 2 ( ***Encik Mhd Ali Bin Plee*** ) Telah Mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pada 26 Julai 2016 Di Terminal Tun Sri Lanang, Terima Kasih Diucapkan Kepada Semua Yang Hadir Dan Tahniah Kerana Majlis Telah Berjalan Dengan Lancar.

4. Pada 16 Julai 2016, Daerah Kota Tinggi Telah Menerima Kedatangan Ketua Setiausaha KPKT Ke Daerah Kota Tinggi Dengan Tujuan Bagi Lebih Mendekati Dan Mendalami Projek-Projek Yang Telah Membangun Dalam Daerah Kota Tinggi Ini, Antaranya Pembangunan Projek Rapid Di Pengerang.
5. Ikrar Integriti Korporat (CIP) Adalah Satu Inisiatif Di Bawah Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM). Dengan Menandatangani Cip, Organisasi Secara Sukarela Dan Terbuka Membuat Perisytiharan Menyeluruh Menentang Amalan Rasuah, Dan Menzahirkan Azam Mereka Untuk Berusaha Ke Arah Mewujudkan Sebuah Negara Yang Berprinsip Tinggi Dan Beretika. MDKT Juga Telah Terlibat Secara Langsung Dalam Majlis Ikrar Integriti Korporat PBT Dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Di Dewan Milenia M Suites Hotel JB Pada 17 Julai 2016, Dimana Setiap Jabatan Terlibat Telah Berikrar Dan Berjanji Di Hadapan Setiausaha Kerajaan Johor Mengenai Integriti. Inshaallah Program Ini Akan Diadakan Diperingkat Jabatan Pada Bulan Ogos Ini Yang Akan Melibatkan Kesemua Anggota MDKT Dan Juga Ahli Majlis, MDKT.

***Buah Selasih Buah Kelubi  
Di Dalam Dulang Hidangan Pagi  
Terima Kasih Daun Keladi  
Bila Diundang Datanglah Lagi.***

6. Banyak Program Yang Melibatkan YAB MB Johor Telah Diadakan Di Daerah Kota Tinggi Ini, Terima Kasih Diucapkan Atas Kesudian YAB MB Johor meluangkan masa Dalam Merasmikan Program-Program Yang Telah Diadakan, Antaranya ialah :

Pada 14 Julai 2016 Yang Lalu, YAB MB Johor Telah Merasmikan Majlis Pecah Tanah RMMJ Dan Pelancaran Innocity Bandar Kledang YPJ Di Teluk Ramunia Kg Punggai. Juga Pada 18 Julai 2016 Beliau Telah Merasmikan Majlis Perasmian Pengoperasian Kompleks Bersepadu Pengerang Di Empangan Sungai Seluyut Serta Merasmikan Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah Di Kg Sayang Tg Sedili Di Padang Awam Kg Sayang Tg Sedili Kota Tinggi. Sesungguhnya dengan kesudian YAB MB merasmikan telah menunjukkan beliau amat komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugasnya dan betapa pentingnya Kota Tinggi dalam pembangunan negeri dan Negara.

***Bawah Batang Ada Keli  
Batang Rebah Menumpu Tanah  
Persembahan Dan Aksi Hebat Sekali  
Terima Kasih, Syabas Dan Tahniah***

***Ahli Sukan Dilahirkan Di Negeri,  
Ramai Sudah Menjadi Ternama,  
Di Mata Dunia Mengharumkan Nama Negeri,  
Pingat Dirangkul Negeri Berbangga.***

7. Pada 23 Julai 2016 Telah Berlangsungnya Majlis Perasmian Temasya Sukan Makaysia Ke Xviii Di Stadium Petra Jaya, Sarawak. Tahniah Diucapkan Kepada Semua Kontinjen Negeri Johor Yang Telah Bertanding Dan Memenangi Pingat Bagi Negeri Johor, Dengan Kedudukan Terkini Bagi Negeri Di Tangga Ke 7 Dari 15 Buah Negeri Yang Bertanding Dengan Memenangi 28 Pingat Yang Meliputi 7 Pingat Emas, 9 Pingat Perak Dan 12 Pingat Gangsa. Kemenangan Yang Diraih Telah Mengharumkan Nama Negeri Johor, sekali gus menunjukkan kehebatan kontinjen-kontinjen Negeri Johor sendiri. Tahniah Dan Syabas.
8. Kita Berharap supaya atlet-atlet yang bertanding dapat terus bertanding dengan semangat kesukanan yang tinggi dan dapat mencapai KPI atau sasaran yang ditetapkan Kerajaan Negeri untuk membawa pulang sebanyak 30 Pingat emas. Marilah kita sama-sama berdoa sasaran Kerajaan Negeri dapat dicapai, semoga nama Negeri Johor terus masyur dan terkenal di seluruh Malaysia.
9. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju bahawa MDKT adalah salah satu PBT yang akan diadakan Live Streaming dimana setelah ianya di pasang segala perjalanan Mesyuarat Penuh akan dapat dilihat ditalian Internet.
10. Akhir Kata, Ingin Saya Maklumkan Bahawa Konvensyen Ahli-Ahli Majlis, Datuk Bandar, Yang Dipertua Dan Setiausaha PBT Negeri Johor Akan Diadakan Pada 7 – 9 Ogos 2016 Di Hotel Holiday Villa JB, Kehadiran Bagi Ahli-Ahli Majlis Adalah Diwajibkan, Semoga Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Dalam Keadaan Yang Sihat Hendaknya. Seperti Tidak Lengkap Jika Jabatan Tidak Membuat Rumah Terbuka. Untuk Makluman Tuan Tuan Dan Puan Puan Majlis Jamuan Hari Raya MDKT Akan Diadakan Pada 4 Ogos 2016 Ini Di Dewan Jubli Intan Kota Tinggi Semoga Dengan Kehadiran Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Dapat Menyerikan Dan Memeriahkan Lagi Majlis Kami Ini.

***Emas tempawan buat puteri,  
Busana indah tampil bergaya,  
Sudilah tuan puan tampilkan diri,  
pada Majlis Jamuan Aidilfitri kami.***

***Besi tembaga biar di tanah,  
Emas suasa di bawa pergi,  
Berakhir kata di hujung noktah,  
Di lain ketika bersua kembali.***

Semoga Johor, Khususnya Kota Tinggi Lebih *Inklusif, Lestari Dan Sejahtera*

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum

Warohmatullahi wabarakatuh , Salam Muafakat Johor Dan Salam Sejahtera.